

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 20.11.2014

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. berapakah jumlah angka yang dapat dijimatkan melalui usaha 11 langkah penjimatan perbelanjaan di sektor awam; dan

- b. bagaimana pengukuran dibuat untuk menentukan sama ada sasaran berjaya dicapai atau tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan dua (2) inisiatif pengurangan perbelanjaan Kerajaan Mengurus tahun 2014 iaitu:

- i. 11 langkah penjimatan dalam sektor awam berkuat kuasa mulai 2 Januari 2014; dan
- ii. Pengurangan peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2014 di bawah OA20000 (Perkhidmatan & Bekalan) sebanyak 5% yang telah dilaksanakan pada 7 April 2014.

Anggaran penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta manakala pengurangan 5% peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan telah menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion.

Kementerian Kewangan telah mengambil langkah untuk berbincang dengan semua Kementerian/ Jabatan bagi mencari kaedah terbaik

melaksanakan pemotongan peruntukan sebanyak 5%. Kementerian/
Jabatan diberi kebebasan untuk menentukan program/ aktiviti yang
hendak dikurangkan peruntukan selagi ianya tidak menjejaskan secara
signifikan program Kementerian dan tidak mendatangkan implikasi
keuangan tambahan pada masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : **20 NOVEMBER 2014**

SOALAN : **36**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu adalah antara lapangan terbang paling sibuk di Malaysia, walaupun hanya boleh menampung pendaratan kapal terbang yang kecil disebabkan kependekan landasannya. Apakah halangan sebenar pihak MAB dan Kerajaan untuk membina dan memanjangkan landasan lapangan terbang ini walaupun kelulusan tanah telah dibuat sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada keperluan pemanjangan landasan bagi operasi semasa khusus untuk pesawat yang kapasiti penumpang yang besar (*wide body*) seperti pesawat Airbus A330 di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Walau bagaimanapun, pemanjangan landasan akan diperlukan apabila adanya permintaan daripada syarikat penerbanga menggunakan pesawat berkapasiti penumpang yang besar untuk menggunakan landasan tersebut.

Setakat ini, hanya pesawat-pesawat kapasiti penumpang yang kecil (*narrow body*) sahaja yang beroperasi di lapangan terbang ini dan panjang landasan sekarang adalah mencukupi bagi operasi pesawat tersebut. Dengan ini tiada pelan pembangunan untuk pembesaran dan pemanjangan landasan dibuat.